

12 AUG 2000
Abdullah-IMF

USAHA DAN YAKIN MENEMPATKAN EKONOMI MALAYSIA KE ARAH PEMULIHAN

MELAKA, 12 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata usaha bersungguh-sungguh dan yakin terhadap dasar yang dilaksanakan boleh berjaya, adalah faktor yang menempatkan ekonomi Malaysia ke arah pemulihan.

"Kebenaran akan mengatasi segalanya dan apa yang benar akan berjaya," katanya kepada pemberita di sini hari ini selepas merasmikan tapak projek IKS Pulaui.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan bahawa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memuji Malaysia kerana melaksanakan dasar yang menempatkan ekonominya ke arah pemulihan.

Mengikut laporan itu pengarah eksekutif IMF yang bermesyuarat di Washington, Amerika Syarikat bulan lalu dalam tinjauan tahunannya mendapati prestasi ekonomi negara bertambah baik dan telah meningkatkan keyakinan dan membantu membaiki lembaran berimbang korporat dan perbankan.

Menurut Abdullah walaupun pendekatan yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam menangani krisis ekonomi tidak yang lazimnya dilakukan oleh negara lain, tetapi usaha itu berjaya.

"Kita buat usaha bersungguh-sungguh dan walaupun banyak yang mencemuh pendekatan yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau (Dr Mahathir) yakin dan kita berjaya," katanya.

Timbalan Perdana Menteri yang sedang melakukan lawatan kerja sehari ke Melaka berkata kerajaan telah melaksanakan pemantauan sepanjang masa terhadap keputusan yang dilakukan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

"Masalah dan rintangan selalu diberi perhatian untuk diselesaikan secepat mungkin supaya masalah kecil tidak menjadi besar," katanya.

-- BERNAMA
NO RON